



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 71  
Bil. 26

**27hb Disember 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 4*

---

**No. 3803.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
彭尼貳 KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Manjung telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Manjung pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

*Asas Kepada Pendapat*

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Manjung dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

*Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya*

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Manjung bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

*Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Manjung untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

*Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Manjung.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Manjung sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Manjung memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang singnifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### *Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain*

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Manjung telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3974

[27hb Dis. 2018]

### *Hal-hal Lain*

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

ROKIAH BINTI SAAD

*b.p Ketua Audit Negara*

*Malaysia*

IPOH

15 Ogos 2017

### PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami Tuan Haji Jahari bin Mat Jahid dan En. Shaiful Faisal bin Haji Salleh yang merupakan Ahli Majlis Perbandaran Manjung, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Manjung, Perak Darul Ridzuan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

TUAN HAJI JAHARI BIN MAT JAHID

*Ahli Majlis*

*Majlis Perbandaran Manjung*

Bertarikh 30 Mac 2017

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

EN SHAIFUL FAISAL BIN HAJI SALLEH

*Ahli Majlis*

*Majlis Perbandaran Manjung*

Bertarikh 30 March 2017

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip, Yang Dipertua adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Manjung, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya ]  
 diakui oleh penama di atas ] MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANIP  
 di Manjung, Perak Darul Ridzuan ]  
 pada 30 Mac 2017]

Di hadapan saya

t.t.

SUPIAN BIN MANAP  
*Pesuruhjaya Sumpah*

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,  
 PERAK DARUL RIDZUAN  
 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI  
 PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016	2015
		RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah dan Peralatan	4	91,301,302	93,399,789
Kerja Dalam Perlaksanaan	5	3,350,023	2,761,249
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>		<b>94,651,325</b>	<b>96,161,038</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang	6	14,811,692	7,190,232
Pendahuluan Pinjaman	7	163,304	123,831
Bayaran Terdahulu	8	122,006	122,006
Cagaran Dibayar	9	29,619	29,619
Simpanan Tetap	10	4,690,144	4,652,855
Wang di Bank Dan di Tangan	11	5,125,493	2,468,049
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>24,942,258</b>	<b>14,586,592</b>

**WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK**

**3976**

[27hb Dis. 2018]

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI  
PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)**

	NOTA	2016	2015
		RM	RM
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pemutang	12	7,079,798	6,743,188
Terimaan Terdahulu	13	4,737,946	1,700,011
Cagaran Diterima	14	2,807,020	2,584,594
Pinjaman Jangka Pendek	15	27,901	-
Jumlah Liabiliti Semasa		14,652,665	11,027,793
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		10,289,593	3,558,799
		104,940,918	99,719,837

**DIBIAYAI OLEH:**

Kumpulan Wang	16	40,447,287	33,681,271
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	17	63,393,161	65,086,196

**LIABILITI BUKAN SEMASA**

Liabiliti Atas Tanah Milik Pajakan	4	952,370	952,370
Pinjaman Jangka Panjang	15	148,100	-
		104,940,918	99,719,837

**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
 PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016	2015
		RM	RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Hasil Cukai	18	37,024,674	30,528,499
Hasil Bukan Cukai	19	12,848,011	12,232,865
Terimaan Bukan Hasil	20	12,867,087	7,448,011
JUMLAH PENDAPATAN		62,739,772	50,209,375

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

27hb Dis. 2018]

3977

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	NOTA	2016 RM	2015 RM
<b>TOLAK:</b>			
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	21	19,030,374	17,297,083
Perkhidmatan dan Bekalan	22	33,195,536	27,779,644
Harta Modal	23	693,193	624,711
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	24	123,006	232,975
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	25	1,273,417	2,599,890
Susutnilai	4	3,915,721	3,774,551
Pembangunan	26	725,393	929,104
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>58,956,640</b>	<b>53,237,958</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN)</b> <b>PENDAPATAN ATAS</b> <b>PERBELANJAAN</b>		<b>3,783,132</b>	<b>(3,028,583)</b>

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3978

[27hb Dis. 2018]

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUTI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Pembangunan	Kumpulan Wang Lain-Lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1hb. Jan 2015	30,627,213	200,000	50,000	5,204,767	991,975	37,073,955
Kurangan Pendapatan Bagi Tahun	(3,028,583)	-	-	-	-	(3,028,583)
Tambahan	-	-	-	5,474,257	1,395,048	6,869,305
Perbelanjaan	-	-	-	(5,299,650)	(1,933,756)	(7,233,406)
Baki pada 31hb. Dis 2015	27,598,630	200,000	50,000	5,379,374	453,267	33,681,271
Pelarasan Tahun Lalu	15	261,049	-	-	-	261,049
Baki pada 31hb. Dis 2015	27,859,679	200,000	50,000	5,379,374	453,267	33,942,320
Dinyatakan Semula	3,783,132	-	-	-	-	3,783,132
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	-	-	-	4,271,502	5,482,394	9,753,896
Tambah Sumbangan Semasa	-	-	-	(3,085,854)	(3,946,207)	(7,032,061)
Perbelanjaan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31hb. Dis 2016	31,642,811	200,000	50,000	6,565,022	1,989,454	40,447,287

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

27hb Dis. 2018]

3979

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	3,783,132	(3,028,583)
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:		
Peruntukan Hutang Ragu Dibaik Pulih	(115,689)	(135,193)
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(2,546,025)	(2,445,741)
Susut Nilai Hartanah dan Peralatan	3,915,721	3,774,551
Hapuskira Penghutang	-	173,454
Peruntukan Hutang Ragu	378,886	526,632
Kerugian Daripada Pelupusan Hartanah dan Peralatan	69,186	1,074,393
Terimaan Dari Projek Usaha Sama	<u>(990,000)</u>	<u>-</u>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	4,495,211	(60,487)
Perubahan Modal Kerja:		
Penghutang	(7,621,460)	(2,686,548)
Pendahuluan Pinjaman	(39,473)	19,740
Bayaran Terdahulu	-	16,936
Simpanan Tetap	-	83
Pemiutang	336,610	1,252,689
Terimaan Terdahulu	3,037,935	600,281
Cagaran	222,426	106,470
Pinjaman Jangka Pendek	27,901	-
Pinjaman Jangka Panjang	148,100	-
Kumpulan Wang Pembangunan	1,185,648	174,607
Kumpulan Wang Lain-lain	<u>1,536,187</u>	<u>(538,707)</u>
Aliran Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	<u>3,329,085</u>	<u>(1,114,936)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah dan Peralatan	A	(634,352)
Kerja Dalam Perlaksanaan		-
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(634,352)</u>	<u>(789,432)</u>
<b>TUNAI DAN KESERATAAN TUNAI</b>		
Kenaikan/(Penurunan) Bersih:		
Pada 1hb Januari	2,694,733	(1,904,368)
Pada 31hb Disember	7,120,904	9,025,272
B	<u>9,815,637</u>	<u>7,120,904</u>

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)**

**NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI**

**A. PEMBELIAN HARTANAH DAN PERALATAN**

Pembelian Hartanah dan Peralatan yang termasuk di dalam Penyata Aliran Tunai mengandungi amaun-amaun Lembaran Imbangan yang berikut:

	2016 RM	2015 RM
Jumlah tambahan Hartanah dan Peralatan	1,886,420	3,414,753
Kerja Dalam Pelaksanaan:		
a) Siap dan dipindahkan kepada Hartanah dan Peralatan	-	(650,609)
Tolak: Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(262,068)	(2,181,878)
Pelarasan Tahun Lalu	-	(86,555)
Dari Projek Usaha Sama	(990,000)	-
Pembelian Hartanah dan Peralatan secara tunai	634,352	495,711

**B. TUNAI DAN KESERATAAN TUNAI**

Tunai dan keserataan tunai yang termasuk di dalam Penyata Aliran Tunai mengandungi amaun-amaun Lembaran Imbangan yang berikut:

	2016 RM	2015 RM
Wang di Bank dan di Tangan	5,125,493	2,468,049
Simpanan Tetap	4,690,144	4,652,855
	9,815,637	7,120,904

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**1. MAKLUMAT AM**

**1.1 VISI**

Menjadikan Perbandaran Manjung bandar pelancongan dan maritim yang maju, progresif, makmur dan terunggul.

**1.2 AKTIVITI UTAMA**

Mewujudkan kawasan perbandaran yang selesa, selamat dan harmoni melalui pembinaan keupayaan (Capacity Building) yang berteraskan dalam pelbagai bidang.

### 1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada sepuluh (10) jabatan dan enam (6) unit seperti berikut:

- 1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 1.3.2 Jabatan Perbendaharaan
- 1.3.3 Jabatan Penilaian
- 1.3.4 Jabatan Teknologi Maklumat
- 1.3.5 Jabatan Bangunan
- 1.3.6 Jabatan Perancang Bandar & Desa
- 1.3.7 Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan
- 1.3.8 Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan
- 1.3.9 Jabatan Pembangunan Komuniti & Sosial
- 1.3.10 Jabatan Penguatkuasaan
- 1.3.11 Unit Undang-Undang
- 1.3.12 Unit Audit Dalam
- 1.3.13 Unit Korporat & Perhubungan Awam
- 1.3.14 Unit Pusat Setempat (OSC)
- 1.3.15 Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- 1.3.16 Unit Lanskap

### 1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan		Taraf	Diiisi	
	2016 Bil Orang	2015 Bil Orang		2016 Bil Orang	2015 Bil Orang
Pengurusan & Professional	31	31	Tetap	11	12
			Kontrak	1	
Sokongan I	81	84	Tetap	46	33
			Kontrak	35	10
Sokongan II	623	620	Tetap	369	363
			Kontrak	209	153
			Sambilan	1	0
Jumlah	735	735		672	571

### 1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis Perbandaran Manjung ditubuhkan pada 27 Mei 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Manjung sejak tahun 1980, telah dinaiktaraf menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan ketiga di Negeri Perak bertaraf Majlis Perbandaran sebagaimana perwartaannya pada 1 Ogos 2001.

Ia diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu oleh 23 orang Ahli Majlis yang dilantik. Pengurusan Majlis dibahagikan kepada 10 Jabatan dan 6 unit di bawah Pejabat Yang Dipertua yang diketuai oleh pegawai Pengurusan dan Profesional. Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan Perbandaran Manjung yang meliputi kawasan pentadbiran seluas 301.82 km persegi dan kawasan operasi seluas 180.47 km persegi.

**Kuasa dan Bidang Kuasa**

- a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- d) Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Manjung

**Jawatankuasa Majlis**

Seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melantik jawatankuasa-jawatankuasa sama ada dari jenis am atau khas bagi membantu Majlis Perbandaran Manjung membuat keputusan-keputusan serta dasar-dasar.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas dan kelancaran perjalanan Pentadbiran Majlis, maka Majlis Perbandaran Manjung telah melantik beberapa jawatankuasa dan juga mewakilkan beberapa jenis kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan mengikut peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil, perintah-perintah dan statut-statut lain yang berkaitan. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- b) Jawatankuasa Kecil Pelesenan
- c) Jawatankuasa Kecil Sebutharga dan Tender
- d) Jawatankuasa Kecil Pengurusan Anggota dan Pelantikan
- e) Lembaga Tata tertib dan Kenaikan Pangkat
- f) Jawatankuasa Kecil Penilaian dan Taksiran
- g) Jawatankuasa Bersih dan Indah
- h) Jawatankuasa Kecil Tujuan-Tujuan Am
- i) Jawatankuasa Kecil Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Lalulintas
- j) Jawatankuasa Kecil Penyelaras Projek-Projek

**1.6 SUMBER KEWANGAN**

Majlis membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan melalui sumber pendapatan daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Dalam urusan operasi Majlis terdapat berbagai jenis geran dan bantuan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Tujuan bantuan dan pemberian ini diberi adalah untuk pemilikan harta, menampung kos operasi dan projek-projek pembangunan dalam kawasan Majlis bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Majlis mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Ahli-Ahli Majlis seperti berikut:

### 2.1 ASAS PERAKAUNAN

#### 2.1.1 Kos Sejarah

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain dari dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan menurut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Ahli-Ahli Majlis.

#### 2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

##### i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, caruman bantu kadar, denda lewat, notis, waran F, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, makmal,sistem audio, sewa chalet/hotel dan tapak penjaja.

Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

##### ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan daripada bayaran balik bil air diiktiraf berdasarkan asas akruan. Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman di bawah mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

#### 2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

### 2.2 HARTANAH DAN PERALATAN

Hartanah dan Peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul. Hartanah dan Peralatan disusut nilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang jangkaan usia guna harta tersebut.

Bagi Hartanah dan Peralatan yang diperolehi daripada kegiatan usaha-sama, kos diambil pada nilai pasaran semasa, sebelum disusut nilai menggunakan asas sama rata.

Harta yang berjumlah RM2,000 dan ke atas kecuali perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk akan dipermodalkan sebagai Hartanah dan Peralatan. Manakala bagi harta berjumlah kurang dari RM2,000

akan dicajkan sebagai perbelanjaan di Penyata Pendapatan kecuali yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual seperti yang disyaratkan di dalam buku panduan pengguna.

Aset kelompok pula diiktiraf pada sebarang kos langsung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Kos harta yang dipermodalkan dipinda berikutnya terima pakai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan KP 2.1/2013.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30hb Jun akan disusut nilaiakan setahun dan harta yang dibeli selepas 30hb Jun tidak disusut nilaiakan.

Tanah milik bebas tidak disusut nilaiakan.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

Tanah Milik Pajak	:	Tempoh Pajakan 99 tahun
Bangunan	:	2 - 4% setahun
Pasar	:	2 - 4% setahun
Gerai	:	5% setahun
Gerai Terbuka	:	20% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Mesin	:	25% setahun
Kelengkapan Pejabat	:	20% setahun
Kelengkapan Komputer	:	20% setahun

### 2.3 CARUMAN BANTU KADAR

Pemberian Caruman Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan samada oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

### 2.4 PENDAPATAN GERAN

- 2.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam Penyata Pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.
- 2.4.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertangguh – Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambilkira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

**2.5 KERJA DALAM PELAKSANAAN**

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan. Kerja dalam pelaksanaan mengambil kira kerja-kerja yang mempunyai potensi untuk dipermodalkan sebagai Hartanah dan Peralatan apabila ianya siap dilaksanakan.

**2.6 PINJAMAN**

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

**2.7 KEMUDAHAN AWAM**

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai Hartanah dan Peralatan dan diambil kira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

**2.8 PENGHUTANG**

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu. Hutang-hutang lapuk yang dikenal pasti akan dihapuskan dan elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

**2.9 PERUNTUKAN HUTANG RAGU****2.9.1 Cukai Taksiran**

Hutang-hutang yang melebihi lima (5) tahun termasuk tahun semasa dan mempunyai rekod bil-bil dikembalikan sekurang-kurangnya empat (4) penggal akan diperuntukkan sebagai hutang ragu.

**2.9.2 Sewaan**

Hutang-hutang yang melebihi satu (1) tahun dan telah diselaraskan dengan cagaran.

**2.10 PEMIUTANG**

Pemiutang yang dinyatakan pada kos merupakan pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

## 2.11 TUNAI DAN KESERATAAN TUNAI

Tunai dan Keserataan Tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank, dan pelaburan jangka pendek yang amat mudah cair yang boleh ditukarkan dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

## 2.12 PENURUNAN NILAI-NILAI ASET

Amaun pembawaan Hartanah dan Peralatan dan pembangunan hartaanah akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin terjejas. Penjejasan ini dikira dengan membandingkan amaun pembawaan aset dengan amaun pulih aset tersebut. Kerugian daripada penjejasan nilai akan dicaj ke Penyata Pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang boleh dibawa pada amaun yang telah dinilai, di dalam kes ini, kerugian daripada penjejasan nilai akan dianggap sebagai pengurangan penilaian.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pemberian terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat mana pembawa nilai aset tersebut telah ditentukan (bersih dari pelunasan dan susut nilai) sebelum sebarang penjejasan nilai diiktiraf ke Penyata Pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula, di dalam kes ini, pembalikan kerugian penjejasan akan dianggap sebagai kenaikan penilaian.

## 2.13 CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

GST tidak dikenakan bagi semua perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan dengan Perundungan (Pengawal Seliaan) dan Penguatkuasaan seperti Cukai Langsung, Lesen dan Kebenaran Merancang.

### 2.13.1 Cukai Output

Cukai Output bagi hasil yang diterima yang bukan berkaitan Perundungan (Pengawal Seliaan) dan Penguatkuasaan seperti Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan kecuali hasil Perkhidmatan Pas Bulanan, Petak Khas, dan Perkhidmatan Bank, Perolehan dari Jualan Barang-Barang dan Sewaan yang berasaskan tunai dikenakan cukai output inclusive berasaskan tunai. Hasil Perkhidmatan Pas Bulanan, Petak Khas dan Perkhidmatan Bank dikenakan cukai *output exclusive* berasaskan tunai.

Hasil sewaan yang berasaskan akruan dikenakan cukai *output inclusive* berasaskan akruan.

### 2.13.2 Cukai Input

Cukai Input bagi perolehan pembekalan barang dan perkhidmatan dikenakan cukai berasaskan tunai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—(Samb.)**

**4. HARTANAH DAN PERALATAN**

**4.1 HARTANAH DAN PERALATAN**

	2016	Tanah Milik Bebas	Tanah Milik Pajak	Bangunan	Pasar	Gerai	Grai Terbuka	Mesin	Kenderaan	Kelebihan Pejabat	Kelebihan Komputer	Jumlah
Kos Asal/Nilaiian		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Awal Tahun	318,941	1,892,376	103,499,133	4,681,526	13,793,805	23,920	1,745,371	11,320,939	1,728,613	2,680,002	141,684,626	
Tambahahan	-	-	1,183,394	-	-	-	7,300	310,137	246,694	138,895	1,886,420	
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Pelupusan	-	(72,809)	-	-	-	-	(6,850)	(88,196)	(8,950)	(147,491)	(324,296)	
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Baki Akhir Tahun	318,941	1,819,567	104,682,527	4,681,526	13,793,805	23,920	1,745,821	11,542,880	1,966,357	2,671,406	143,246,750	
Susutnilai Terkumpul												
Baki Awal Tahun	-	109,695	25,578,061	1,897,814	6,091,576	23,904	1,611,252	9,224,992	1,278,679	2,468,864	48,284,837	
Susut nilai Semasa	-	13,710	2,089,492	93,514	633,320	-	86,655	762,164	128,160	108,706	3,915,721	
Pelupusan	-	(3,677)	-	-	-	-	(6,847)	(88,195)	(8,949)	(147,442)	(255,110)	
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Baki Akhir Tahun	-	119,728	27,667,553	1,991,328	6,724,896	23,904	1,691,060	9,898,961	1,397,890	2,430,128	51,945,448	
